



**PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN 40 TAHUN SAMARAHAN MAJU MAKMUR
PENTADBIRAN BAHAGIAN SAMARAHAN**

1. SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada **semua rakyat Sarawak** yang berminat dan memiliki kreativiti dalam penciptaan logo.
- 1.2 Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghantar **satu (1)** penyertaan sahaja.
- 1.3 Semua komponen penciptaan logo hendaklah asli, berunsur korporat, serta mencerminkan kreativiti yang selaras dengan imej Bahagian Samarahan.
- 1.4 Ciptaan logo tidak boleh mengandungi sebarang unsur atau elemen yang bersifat sensitif atau boleh menyinggung mana-mana pihak.
- 1.5 Semua logo yang diterima oleh urus setia adalah menjadi hak milik Pentadbiran Bahagian Samarahan dan tidak akan dikembalikan. Pentadbiran Bahagian Samarahan berhak meminda atau mengubah suai logo yang terpilih bagi maksud untuk digunakan, dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara, majlis dan bahan promosi lain yang difikirkan wajar.
- 1.6 Keputusan akan dimaklumkan kepada peserta melalui telefon dan akan diwar-warkan di media sosial rasmi.
- 1.7 Semua kos yang terlibat dalam penyediaan logo bagi tujuan pertandingan ini adalah ditanggung sendiri oleh peserta.
- 1.8 Penyertaan bagi pertandingan ini adalah percuma.

2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- 2.1 Logo hendaklah melambangkan **“40 Tahun Samarahan Maju Makmur”**
- 2.2 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dan diemelkan ke alamat samarahanro@sarawak.gov.my dalam **empat (4) format** seperti berikut:
 - i. AI, SVG, PNG, PDF
- 2.3 Ciptaan logo tidak boleh mengandungi sebarang unsur atau elemen yang bersifat sensitif atau boleh menyinggung mana-mana pihak.
- 2.4 Reka bentuk digalakkan menonjolkan identiti serta keunikan Bahagian Samarahan tanpa terlalu kompleks atau elemen yang sarat
- 2.5 Logo hendaklah mudah diskalakan, jelas pada saiz kecil dan besar, serta sesuai digunakan pada pelbagai medium dan bahan.

- 2.6 Peserta hendaklah menyediakan palet warna utama yang digunakan berserta kod.
- 2.7 Peserta juga hendaklah menyediakan palet warna sekunder untuk logo.
- 2.8 Rekaan logo hendaklah disertakan dengan keterangan atau penjelasan (rasional), termasuk dimensi bagi reka bentuk logo “**40 Tahun Samarahan Maju Makmur**”. Penggunaan warna hendaklah mampu menterjemahkan fungsi serta maksud logo dengan jelas.
- 2.9 Penggunaan fon hendaklah mudah dibaca, kemas dan bersifat profesional
- 2.10 Reka bentuk perlu jelas apabila dicetak walaupun dalam format hitam putih
- 2.11 Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas serta penggunaan warna **TIDAK** melebihi **EMPAT (4)** kombinasi warna.

3. ELEMEN WAJIB

- 3.1 Pernyataan tahun pembentukan Bahagian Samarahan iaitu bermula pada tahun **1986-2026**
- 3.2 Angka 40 melambangkan “**40 Tahun Samarahan Maju Makmur**”
- 3.3 Mengandungi elemen yang mencerminkan kemajuan serta perpaduan masyarakat, seperti dalam bidang pendidikan, penyelidikan, perindustrian, perumahan, perniagaan dan perkhidmatan.

4. DOKUMEN PERMOHONAN PENYERTAAN

- 4.1 Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menghantar hasil kerja bersama keterangan dalam bentuk *softcopy* ke alamat e-mel samarahanro@sarawak.gov.my **SAHAJA**.
- 4.2 Borang penyertaan pertandingan boleh diperolehi di Pejabat Residen Bahagian Samarahan atau dimuat turun melalui laman web Pejabat Residen Bahagian Samarahan: <https://samarahan.sarawak.gov.my>

5. SYARAT HAK MILIK & PENGGUNAAN

- 5.1 Semua penyertaan mestilah karya asal peserta.
- 5.2 Reka bentuk yang memenangi pertandingan akan menjadi hak milik Pentadbiran Bahagian Samarahan.
- 5.3 Penyertaan yang melanggar hak cipta akan dibatalkan.

6. TEMPOH PENYERTAAN

- 6.1 Tempoh penyertaan akan dibuka selama **2 minggu** bermula pada **11 Mei 2026 (Isnin) sehingga 25 Mei 2026 (Isnin)** pada jam **5.00 petang**. Sebarang penyertaan selepas daripada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

7. METODOLOGI PENILAIAN

- 7.1 Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada terma dan syarat pertandingan ini.
- 7.2 Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap susun atur atau reka bentuk logo yang dihantar kepada urus setia.

8. PEMENANG DAN HADIAH PERTANDINGAN

- 8.1 Hanya **SATU (1)** reka bentuk logo sahaja akan dipilih sebagai pemenang.
- 8.2 Pemenang akan menerima hadiah wang tunai berjumlah **RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) dan Sijil Penyertaan**

9. PANEL PENILAI

- 9.1 Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
- 9.2 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh ahli panel penilai dan panel penilai juga berhak membatalkan penyertaan sekiranya peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- 9.3 Panel penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang menyertai (sekiranya perlu).
- 9.4 Logo yang dipilih akan digunapakai dan menjadi **HAKMILIK DAN HAK CIPTA PENTADBIRAN BAHAGIAN SAMARAHAN**

10. URUS SETIA

- 10.1 Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas boleh diajukan kepada pihak urus setia seperti di talian :
Puan Dyg Nadhira Binti Abang Adenan : 012-8791613
Puan Mayana Binti Kamil : 014-6866807
Encik Mohamad Edry Bin Mohd Ermi : 011-33002513

LAMPIRAN 1

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN 40 TAHUN SAMARAHAN MAJU MAKMUR
PENTADBIRAN BAHAGIAN SAMARAHAN**

BUTIRAN PESERTA

Nama :
.....

No. Kad Pengenalan :
.....

Alamat :
.....
.....

Emel :
.....

No. Telefon :
.....

PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik **PENTADBIRAN BAHAGIAN SAMARAHAN** sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas itu.

Tandatangan : Tarikh :

Nama :

*Sila kembalikan borang penyertaan kepada :

Pejabat Residen Bahagian Samarahan,
Tingkat 2 Pejabat Residen Samarahan
Jalan Dato Mohd Musa 94300 Kota
Samarahan Sarawak
No. Tel : 082-671205 No. Faks : 082-671289
Emel: samarahanro@sarawak.gov.my